

**TEKS UCAPAN**  
**YB MENTERI KERJA RAYA SEMPENA MAJLIS PELANCARAN**  
**“LLM MAJU CULTURAL NIGHT RUN 2019 @ 2ND BRIDGE, PENANG”.**

---

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd. Tahir,  
Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob  
Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Sr. Aziz bin Abdullah  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman  
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid,  
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia

Yang Berusaha Encik Idrus bin Mat Tais  
Pengarah Bahagian Pengawasan Tol merangkap  
Pengerusi Koperasi LLM Berhad

Yang Berusaha Encik Arjunaidi Idrus  
Pemangku Pengurus Besar  
Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB)

Yang Dihormati Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Kerja Raya dan  
Lembaga Lebuhraya Malaysia,

Para Penaja Program, Wakil-Wakil Syarikat Konsesi, Wakil-Wakil Sistem  
Integerator (SI),

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

1. Pertamanya saya ingin mengucapkan syukur kerana kita dapat berkumpul pada hari ini untuk Majlis Pelancaran Larian “LLM Maju Cultural Night Run 2019 @ 2nd Bridge, Penang”.
2. Larian ini merupakan aktiviti riadah yang istimewa dan berbeza dengan acara larian santai yang lain. Ia bukan sahaja pertama kali diadakan di atas jambatan kedua Negeri Pulau Pinang, malah yang paling menarik ialah, ia merupakan larian yang menggabungkan aktiviti larian santai, persembahan kesenian dan kebudayaan serta pelbagai aktiviti lain yang berkonsepkan budaya masyarakat majmuk di Malaysia.
3. Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Koperasi LLM Berhad dan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) sebagai penganjur bersama dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau

Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Persatuan Olahraga Amatur Negeri Pulau Pinang (PAAA). Tidak lupa juga, acara larian ini turut disokong oleh agensi-agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan-Persatuan Sukan dan lain-lain agensi yang berkaitan serta para penaja.

4. Untuk makluman semua, Larian “LLM Maju Cultural Night Run 2019 @ 2nd Bridge, Penang” pertama kali dianjurkan oleh LLM, Koperasi LLM Berhad dan JKSB. Larian sepanjang 7 kilometer ini mensasarkan penyertaan seramai 5 hingga 10 ribu peserta dari pelbagai peringkat umur.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Statistik yang diperoleh melalui Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) pada 2015 menunjukkan bahawa Malaysia telah menjadi sebuah negara obes, di mana seorang dalam dua orang dewasa mempunyai berat badan berlebihan atau obes. Ini sekaligus menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara paling gemuk di Asia, dengan jangkakan populasi yang berlebihan berat badan sebanyak 33 peratus dan obesiti sebanyak 18 peratus. Berat badan berlebihan atau obesiti ini adalah punca utama timbulnya penyakit kronik yang lain seperti diabetes dan tekanan darah tinggi. Oleh kerana itu, aktiviti fizikal seperti acara larian sebegini sangat digalakkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menjalani gaya hidup sihat.

6. Suka saya menarik perhatian hadirin di sini bahawa acara “LLM Maju Cultural Night Run 2019 @ 2nd Bridge, Penang” ini bukan sekadar larian semata-mata. Acara ini berkonsepkan larian secara santai di mana peserta akan dipersembahkan dengan pertunjukan kebudayaan seperti Boria, Chinggey, tarian Bhangra, tarian Melayu, tarian India dan sebagainya di beberapa lokasi tertentu di sepanjang laluan acara larian. Peserta juga digalakkan untuk memakai pakaian tradisi / “costume” mengikut budaya masing-masing bagi memeriahkan suasana. Adalah diharapkan acara sebegini akan menjadi pemangkin untuk meningkatkan aktiviti pelancongan ke Pulau Pinang serta memperkenalkan kepelbagaian budaya penduduk Malaysia kepada pelancong asing.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya difahamkan bahawa penganjur juga turut mengadakan acara “VIP Cultural Charity Walk” yang bertujuan untuk mendapatkan sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan. Acara “VIP Cultural Charity Walk” ini dikhaskan untuk tetamu jemputan yang terdiri daripada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Ketua Menteri Pulau Pinang, Menteri Kerja Raya, Menteri-Menteri Persekutuan, Exco-Exco Kerajaan Negeri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan. Jarak larian ini adalah sejauh lebih kurang 3 kilometer.
8. Sumbangan yang diterima daripada penganjuran acara “VIP Cultural Charity Walk” ini sebahagiannya akan digunakan untuk program wakaf air minuman percuma di kawasan rehat dan rawat (R&R) di lebuhraya. Dalam program ini, penganjur akan mengenalpasti R&R terpilih dan

menyediakan "water dispenser machine" yang akan memberikan air minuman percuma kepada orang ramai. Penganjur mensasarkan sebanyak 40 unit "Water dispenser machine" akan disediakan dengan anggaran kos sebanyak RM200,000.00. Di samping itu, sumbangan juga akan disalurkan kepada pihak-pihak yang memerlukan seperti rumah-rumah anak yatim, Pertubuhan-Pertubuhan Kebajikan dan sebagainya.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penaja-penaja yang bersama-sama memberi sokongan dalam menjayakan acara ini iaitu Maju Expressway Sdn. Bhd. dan Maju Holdings selaku Penaja Platinum, Touch N Go dan PLUS Malaysia Berhad selaku Penaja Gold dan TSL Group, RTS, Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. dan Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT) selaku Penaja Silver. Adalah diharapkan agar sokongan dan kerjasama erat sebegini dapat diteruskan di masa akan datang.
10. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas jemputan bagi melancarkan program ini. Ucapan syabas dan tahniah kepada penganjur yang telah berusaha keras menggembleng tenaga untuk merealisasikan Larian "LLM Maju Cultural Night Run 2019 @ 2nd Bridge, Penang".

11. Dengan harapan semoga segalanya dipermudahakan, **sukacitanya saya dengan ini melancarkan acara larian “LLM Maju Cultural Night Run 2019 @ 2nd Bridge, Penang 2019”**.

Sekian, terima kasih.